



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK

PAR-JKSPk-01

POLISI ANTI-RASUAH

Disediakan Oleh:

.....
YA Tuan Mohd Ridzuan bin
Yusof

Pegawai Integriti
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Perak

Tarikh: 03/06/2025

Diluluskan Oleh:

.....
YAA Dato' Ab Rahman
Thobroni bin Mohd Mansor

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Perak

Tarikh: 03/06/2025

1. PENGENALAN

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak (JKSPk) komited untuk melaksanakan amalan perkhidmatan awam yang telus, berintegriti dan bebas rasuah. Sehubungan itu, polisi ini dirangka bagi membanteras sebarang perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam urusan rasmi jabatan serta memastikan akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan. Polisi ini terpakai kepada semua pegawai dan kakitangan JKSPk, kontraktor, pembekal, perunding, serta mana-mana pihak berkepentingan yang mempunyai hubungan rasmi dengan jabatan. Tujuan polisi ini adalah untuk:

- Menetapkan pendirian jabatan terhadap rasuah dan perbuatan tidak beretika.
- Menyediakan garis panduan tingkah laku yang betul bagi warga jabatan.
- Memastikan semua pihak yang berkepentingan memahami dan mematuhi prinsip anti rasuah.

2. PENGERTIAN DAN DEFINISI

Rasuah bermaksud sebarang perbuatan memberi, meminta, menawarkan atau menerima suapan, termasuk tetapi tidak terhad kepada wang, hadiah, kemudahan, komisen, diskaun, atau sebarang manfaat lain yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

3. SKOP

Polisi ini terpakai kepada:

- a) Semua pegawai dan kakitangan tetap/kontrak/sambilan;
- b) Pihak luar yang mempunyai hubungan rasmi dengan jabatan (pembekal, kontraktor, pelatih industri);
- c) Ahli jawatankuasa, panel penilai dan mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak jabatan.

4. DASAR

1. JKSPk mempunyai toleransi sifar terhadap rasuah dan menolak sebarang bentuk salah laku rasuah secara langsung atau tidak langsung.

2. Semua pegawai dan kakitangan dikehendaki mematuhi undang-undang dan dasar antirasuah yang ditetapkan oleh Kerajaan termasuk Akta SPRM 2009 (Akta 694).
3. Jabatan akan mengambil tindakan tatatertib atau undang-undang terhadap mana-mana pihak yang melanggar polisi ini.
4. Semua pegawai hendaklah menunjukkan sikap jujur, amanah dan tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang menimbulkan konflik kepentingan.

5. TANGGUNGJAWAB

1. Semua Warga JKSPk: Mematuhi polisi ini, menolak suapan, dan melaporkan sebarang perbuatan rasuah.
2. Ketua Jabatan/Bahagian/Unit: Memastikan penyebaran, pelaksanaan dan pemantauan pematuhan polisi ini di peringkat unit masing-masing.
3. Urus Setia Integriti: Menyelaras latihan, pemantauan, dan laporan berkaitan pelaksanaan polisi ini.

6. LARANGAN

Pegawai/kakitangan dilarang:

- a) Memberi atau menerima suapan dalam bentuk wang, hadiah, faedah, kontrak atau perkhidmatan;
- b) Menggunakan jawatan atau kedudukan untuk kepentingan peribadi;
- c) Menyembunyikan atau gagal melaporkan sebarang perbuatan rasuah yang diketahui;
- d) Terlibat dalam apa-apa bentuk konflik kepentingan tanpa pendedahan rasmi.

7. SALURAN ADUAN DAN PELAPORAN RASUAH

1. Aduan boleh dikemukakan melalui:
 - a) Ketua Unit Integriti JKSPk;
 - b) Jawatankuasa Tadbir Urus dan Integriti; dan
 - c) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
2. Jabatan memberi jaminan bahawa identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan dan dilindungi mengikut undang-undang di bawah **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010**.

8. PENAMATAN TINDAKAN

Sekiranya didapati bersalah melanggar polisi ini, individu terbabit boleh dikenakan tindakan:

- a) Tatatertib berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993; dan
- b) Pendakwaan mengikut Akta SPRM 2009 atau mana-mana undang-undang yang berkaitan.

9. LATIHAN

Jabatan akan menyediakan latihan, bengkel dan taklimat secara berkala bagi:

- a) Meningkatkan kesedaran tentang risiko rasuah;
- b) Memantapkan kefahaman terhadap amalan terbaik integriti.

10. KAJIAN SEMULA

Polisi ini akan disemak **setiap dua (2) tahun sekali** atau apabila perlu, bagi memastikan ia kekal relevan dengan perubahan perundangan dan dasar kerajaan.

11. PENUTUP

Polisi Anti Rasuah ini merupakan komitmen berterusan JKSNP dalam memperkukuh budaya kerja berintegriti dan bebas rasuah. Semua warga jabatan hendaklah memahami, menghayati dan melaksanakan polisi ini dalam tugas harian mereka.